

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.03/10.12/(6)

16 Jun 2010
3 Rejab 1431

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 15/2010

PELAKSANAAN MEWAJIBKAN STAF AKADEMIK UTM BERUSIA 40 TAHUN KE BAWAH MENJALANI LATIHAN INDUSTRI

Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan telah meluluskan ketetapan supaya semua staf akademik yang berusia 40 tahun dan ke bawah diwajibkan untuk menjalani Latihan Industri. Keperluan menjalani Latihan Industri tersebut adalah sebagai salah satu usaha Universiti untuk mengekalkan status Universiti Penyelidikan. Latihan Industri diharapkan menjadi 'platform' kepada staf akademik untuk memiliki kelayakan profesional yang merupakan elemen penting dalam mengekalkan status Universiti Penyelidikan.

2. Program Latihan Industri yang akan dilalui oleh staf akademik akan memberi manfaat seperti berikut :-


- i) Mempertingkatkan profesionalisma dalam bidang masing-masing serta sebagai usaha untuk memiliki kelayakan profesional
- ii) Mendapat nilai tambah secara praktikal melalui pengalaman latihan industri serta meningkatkan keberkesanan pengajaran
- iii) Meningkatkan jalinan hubungan dan kerjasama dengan pihak luar
- iv) Memudahkan akreditasi program pengajian

3. Semua staf akademik dan pihak Pengurusan Modal Insan di fakulti/bahagian/unit diminta mengambil maklum dan tindakan selanjutnya. Pelaksanaan ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2010.**

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN
Pendaftar

- s.k.
- Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
 - Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni)
 - Pengarah UTM International Campus, Kuala Lumpur
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah